



**KADET Kor Sipsa UMS yang muncul naib johan pada Perhimpunan Kebangsaan Kor Sipsa di UTM, Terengganu baru-baru ini.**

*UM 01-08-2012 26*

## Kor Sipsa UMS naib johan kebangsaan 2012

KOTA KINABALU 31 Julai - Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor Sipsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul naib juara dalam Perhimpunan Kebangsaan Kor Sipsa yang diadakan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Mohd. Harun Abdullah menyifatkan kejayaan tersebut sebagai satu hasil latihan gigih bagi membentuk sahsiah dan jati diri pelajar.

"Kegigihan dan komitmen ahli kadet dan pegawai telah membuahkan hasil dan berharap pencapaian tersebut terus konsisten dan lebih berjaya pada masa hadapan," ujarnya.

Mohd. Harun berkata, ia merupakan kali ketiga Kor Sipsa UMS menyertai perhimpunan kebangsaan sejak muncul juara pada 2010 di UiTM Shah Alam, Selangor.

Bagaimanapun, mereka gagal mempertahankan kedudukan apa-

bila sekadar meraih ke tempat keempat tahun lalu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan.

Perhimpunan kebangsaan yang disertai Kor Sipsa universiti-universiti di Malaysia itu melibatkan pertandingan dalam pelbagai aspek termasuk kawad, melawan kebakaran, rawatan awal, menyelamatkan di aras tinggi, menyelamatkan di dalam air dan membaca kompas.

Beliau berkata, Kor Sipsa yang mirip kepada orientasi pelaksanaan tanggungjawab pertahanan awam dan kebombaan ketika ini memiliki 200 unit kadet melibatkan kampus Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

Menurutnya, UMS kini memiliki tiga persatuan beruniform dengan yang terbaru ialah Kor Sipsa di samping Palapes (ketenteraan) dan Suksis (Kepolisian).